



DPB50163 BUSINESS PROJECT

LAPORAN AKHIR

E-KAMUS AL-MUSTALAH

PERKATAAN DAN ISTILAH BAHASA ARAB

KELAS DIB5A (KUMPULAN 7)

NAMA	NO PENDAFTARAN
MUHAMMAD FARIS FITRI BIN ISMAIL	10DIB19F1056
NUR SYAZWANI BINTI NOR HASMIZI	10DIB19F1208
NURUL AFIQAH BINTI SUHAIMI	10DIB19F1202
ATHIRAH BINTI SAHARUDIN	10DIB19F1022
RASYIDAH BINTI ABDULLAH	10DIB19F1042

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	I
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	II
PERAKUAN PELAJAR	III
PENGHARGAAN	IV
RINGKASAN EKSEKUTIF	V
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2-3
1.3 Pernyataan masalah	4-8
1.4 Objektif kajian	8
1.5 Justifikasi kajian	9
1.6 Skop projek	9
1.7 Takrifan Istilah	10
1.8 Kepentingan Kajian	11-12
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	13
2.2 Kajian-Kajian Lepas	
2.2.1 Kajian Berkaitan Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Arab	13-14
2.2.3 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi	14-16

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	17
3.2	Rekabentuk Kajian	
3.2.1	Tinjauan Awal Keperluan Kajian	18-20
3.2.2	Teknik Penghasilan Projek	21-26
3.2.3	Bahan dan Peralatan	27
3.2.4	Kaedah Analisis Data	28-29

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	30
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	
4.2.1	Projek Jenis Nyata	30-32
4.3	Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	
4.3.1	Impak Produk	32-34
4.4	Kos Penghasilan Projek	34

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	35
5.2	Kesimpulan	35-36
5.3	Cadangan	36
5.4	Limitasi Kajian	37
5.5	Rumusan	37

RUJUKAN	38
----------------	-----------

LAMPIRAN

Lampiran 1	39
Lampiran 2	40
Lampiran 3	41

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk **E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab** telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: PUAN SYAFAWATI BINTI ABU BAKAR

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:


Nama Penyelaras: DR. NURUL SUHADA BT. ISMAIL


Tandatangan Penyelaras:


Tarikh: 7 DISEMBER 2021

PERAKUAN PELAJAR


“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : 
Nama: MUHAMMAD FARIS FITRI BIN ISMAIL
No. Pendaftaran: 10DIB19F1056

2. Tandatangan: 
Nama: NUR SYAZWANI BINTI NOR HASMIZI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1208

3. Tandatangan: 
Nama: NURUL AFIQAH BINTI SUHAIMI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1202

4. Tandatangan: 
Nama: ATHIRAH BINTI SAHARUDIN
No. Pendaftaran: 10DIB19F1022

5. Tandatangan: 
Nama: RASYIDAH BINTI ABDULLAH
No. Pendaftaran: 10DIB19F1042

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPD50163 Business Project** yang bertajuk **E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab**, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek Puan Syafawati Binti Abu Bakar, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Binti Othman, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project, E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab** bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melakukan kajian di Politeknik Seberang Perai berkaitan masalah kesukaran pelajar dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab yang bertempat di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Kajian ini tertumpu kepada pelajar yang mengambil kursus Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) yang sering menghadapi masalah memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab. Objektif kajian ini adalah mencadangkan satu produk yang diberi nama Al-mustalah yang mengumpulkan perkataan dan istilah Bahasa Arab yang sering menjadi masalah kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) untuk mencarinya. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata berdasarkan produk dan data dikumpulkan dalam bentuk kuantitatif. Kaedah kualitatif pembangunan produk dan kuantitatif ini dilakukan secara soal selidik. Berdasarkan hasil dapatan kajian daripada analisis keberkesanan atau analisis SWOT jelas didapati bahawa produk Al-mustalah dapat digunakan pada bila-bila masa kerana ia dapat diakses oleh pelajar dengan kod QR atau link yang disediakan oleh pengkaji kepada pelajar. Di samping itu, pengkaji bercadang untuk meluaskan lagi produk E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab kepada semua pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Kesimpulannya, setelah menyiapkan kajian untuk produk inovasi iaitu Al-mustalah ini, terdapat perkara penting yang dapat pengkaji rumuskan antaranya ialah objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji telah tercapai. Masalah kesukaran dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab bagi pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) dapat diatasi dengan membina produk E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab ini.

Kata kunci: *Bahasa Arab, E-kamus, Pelajar, Perkataan dan istilah*

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan justifikasi kajian. Bab ini juga membincangkan berkaitan isu masalah pelajar dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB).

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melakukan kajian di Politeknik Seberang Perai berkaitan masalah kesukaran pelajar dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab yang bertempat di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Kajian ini tertumpu kepada pelajar yang mengambil kursus Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) yang sering menghadapi masalah memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian tentang masalah pelajar yang sering menghadapi kesukaran untuk memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Pengkaji bercadang untuk membina satu produk berbentuk AI-mustalah bagi memudahkan para pelajar untuk mempelajari dan memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa Arab adalah satu bahasa yang memiliki kedudukan istimewa dalam Islam. Bahasa Arab merupakan bahasa yang menjadi bahasa pengantara bagi membawa mesej Islam. Perkara ini wujud kerana semua amal ibadah umat Islam yang dilakukan seharian tidak terlepas daripada penggunaan Bahasa Arab. Tambahan pula ia menjadi syarat bagi sesuatu ibadah itu diterima khususnya ibadah yang melibatkan solat dan haji (Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya, & Muhammad Sabri Sharir, 2013).

Sehubungan dengan itu, Bahasa Arab juga merupakan salah satu bahasa yang digunakan untuk tujuan perhubungan antarabangsa. Ia amat berkait rapat dengan bahasa yang digunakan dalam urusan kehidupan seharian kita. Jadi, Al-Quran dan hadis merupakan sumber rujukan utama umat Islam yang diberikan untuk dijadikan panduan bagi kita bermuamalat bersama makhluk-makhluk di muka bumi Allah ini terutamanya umat manusia.

Bahasa Arab adalah bahasa yang menjadi perantaraan antara manusia khususnya yang tinggal di Timur Tengah. Bahasa Arab juga merupakan bahasa Al-Quran yang perlu difahami oleh semua umat Islam. Namun kini, penggunaan Bahasa Arab digunakan secara meluas sehingga ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi seluruh dunia berdasarkan kursus-kursus tertentu jika ia dilihat dari sistem kewangan di Malaysia. Sistem kewangan Islam di Malaysia tidak lari daripada perkataan Bahasa Arab kerana sistem kewangan Islam banyak menggunakan istilah-istilah Bahasa Arab seperti *Mudharabah*, *Wadiah*, *Bai' al'inah* dan lain-lain.

Jika dilihat, proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab menjalani perkembangan yang baik di Tanah Melayu bermula dari institusi pondok dan madrasah pada abad ke-18 Masihi (Abdullah Jusuh, 1989). Proses kemajuan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab ini sangat baik dan terus berlangsung sehingga sekarang bermula diperingkat rendah dengan penerapan program j-QAF di sekolah rendah bahkan terdapat banyak institusi tinggi awam menawarkan program pengajian Bahasa Arab.

Di Malaysia, bidang pengajian Islam kini sudah menjadi pilihan utama masyarakat Melayu-Islam. Bukti berkembangnya dalam bidang pengajian Islam adalah wujudnya kolej-kolej Islam di seluruh Malaysia yang menawarkan program dan kursus dalam bidang pengajian Islam. Pengajian Islam ini memfokuskan kepada pentadbiran, perundangan, kesenian, pendidikan dan sebagainya. Perkara ini diterapkan dalam diri pelajar agar mereka dapat memahami dan mendalami seterusnya mempraktikkan unsur-unsur Islam tersebut dalam kehidupan seharian (Ahmad Farid Fadhli Mustafa, 2014).

Perkara yang penting bagi pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai adalah kemahiran memahami perkataan Bahasa Arab. Hal ini untuk memastikan keberhasilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) dapat dicapai (Azura , Ahmad, & Rahman 2007). Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar penguasaan Bahasa Arab pelajar yang terlibat dalam program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Bahasa Arab sangat penting khususnya ketika mereka melakukan urusan atau transaksi dalam memilih produk-produk perbankan dan kewangan di perbankan Islam.

Untuk mendapatkan tahap penguasaan yang baik, pelajar haruslah menunjukkan sikap yang sama dengan minat mereka seperti meluangkan waktu untuk mencari maklumat dalam Bahasa Arab melalui internet, membaca bahan-bahan Bahasa Arab, menonton televisyen yang memaparkan cerita-cerita Arab dan turut mendengar perbualan dalam Bahasa Arab. Mereka juga boleh berkomunikasi dengan pelajar lain yang memiliki kemampuan dalam bertutur Bahasa Arab sama ada di bilik kuliah, di luar bilik kuliah, di kafe dan sebagainya (Ab. Halim & Wan Mohamad, 2006).

Oleh itu, kajian berkaitan keperluan memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dijalankan dalam kalangan pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) ini untuk membantu mereka dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dengan baik.

1.3 PERNYATAAN MASALAH


Kajian ini dijalankan oleh pengkaji terhadap pelajar Politeknik Seberang Perai yang mengikuti program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa Bahasa Arab merupakan satu kursus wajib mengikut struktur dalam program Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Oleh itu, pelajar yang mengikuti program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam diwajibkan untuk mengambil kursus Bahasa Arab. Hal ini merupakan syarat memenuhi kredit untuk mendapatkan sijil diploma dalam bidang tersebut. Masalah ini berlaku disebabkan oleh pelajar sukar untuk mencari perkataan dan istilah Bahasa Arab yang dipelajari oleh mereka. Oleh itu, pelajar mengalami masalah kurangnya memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab di peringkat Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Hal ini kerana, para pelajar perlu mencari perkataan dan istilah Bahasa Arab dalam laman web yang berbeza.



Rajah 1.1 Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh, Pulau Pinang.

Di samping itu, pengkaji telah memilih seramai 50 orang responden untuk membuat kajian berkaitan pelajar yang mengalami masalah kurangnya memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab di peringkat Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Pelajar yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar semester satu sehingga pelajar semester lima yang mengikuti program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di Politeknik Seberang Perai. Pengkaji

melakukan kajian ini pada hari Jumaat iaitu 22 Oktober 2021. Hasil daripada kajian tersebut, pengkaji mendapati bahawa tiga orang pelajar menyatakan tahap kefahaman mereka mengenai perkataan Bahasa Arab adalah sangat tidak setuju. Manakala empat orang pelajar menyatakan mereka tidak setuju dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab. Namun begitu, hasil kajian juga mendapati sebanyak 31 pelajar setuju bahawa mereka menghadapi masalah tahap kefahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab dan sebanyak 21 orang pelajar sangat setuju bahawa mereka menghadapi masalah tahap kefahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab.



4. Adakah anda memahami perkataan Bahasa Arab.

- Sangat tidak setuju
- Tidak setuju
- Setuju
- Sangat setuju


Required

5. Adakah anda mempunyai masalah tahap fahaman anda mengenai perkataan Bahasa Arab.

- Sangat tidak setuju
- Tidak setuju
- Setuju
- Sangat setuju


Required

Rajah 1.2 Menunjukkan borang soal selidik yang dihasilkan oleh pengkaji.



Rajah 1.3 Menunjukkan hasil responden yang dikumpulkan oleh pengkaji.

Seterusnya, kajian yang dijalankan ini adalah untuk menyelesaikan isu pelajar yang mengalami masalah kurang kefahaman terhadap perkataan dan istilah Bahasa Arab bagi perkataan-perkataan yang mereka tidak fahami. Oleh itu, pihak pengajar juga haruslah menitikberatkan pembelajaran berkaitan kursus Bahasa Arab lebih mendalam dalam kalangan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Hal ini kerana pelajar-pelajar yang mendaftar dalam program Diploma Kewangan Islam dan Perbankan Islam (DIB) kebiasaannya akan berkhidmat dalam sektor kewangan dan perbankan setelah menamatkan pengajian. Oleh itu, mereka akan terdedah dengan urusan-urusan perbankan yang kini dilihat menggunakan produk-produk berbentuk Islamik mengikut peredaran masa kini. Mereka perlu memahami istilah-istilah atau terma-terma yang diguna pakai semasa berurusan dan melakukan sesuatu transaksi (jual beli) seperti pinjaman, simpanan, gadaian dan lain-lain.



Rajah 1.4 Menunjukkan perkataan-perkataan aqad dari sudut syarak

Jenis-Jenis Akad Dalam Jual Beli	
Bai' al-murabahah (بيع المرابحة)	• Jual beli sesuatu barang pada harga kos dan penambahan margin keuntungan.
Bai' al-wadhiah (بيع الوضعية)	• Jual beli dimana harga jualan adalah lebih murah dari harga kos.
Bai' al-tauliah (بيع التولية)	• Jual beli sesuatu barang dengan harga kos.
Bai' al-urbun (بيع العربون)	• Jual beli yang dibuat melalui pembayaran wang pendahuluan.

Rajah 1.5 Menunjukkan perkataan-perkataan aqad dalam jual beli.

Justeru itu, pengkaji mendapati terdapat beberapa perkataan dan istilah Bahasa Arab yang sukar dicari. Hal ini kerana berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat kekurangan yang dihadapi oleh para pengkaji membuat kajian membabitkan pembelajaran Bahasa Arab. Hal ini jelas kerana tidak semua perkataan dan istilah Bahasa Arab dimasukkan secara lengkap di dalam satu website. Oleh sebab itu, pelajar kurang berminat untuk mempelajari kursus Bahasa Arab. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk menghasilkan satu produk inovasi berbentuk Al-mustalah.

Kelebihan Al-mustalah tersebut ialah para pelajar yang mengikuti program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) boleh mengakseskannya di mana-mana saja. Selain itu, pengkaji juga akan mengumpulkan perkataan dan istilah Bahasa Arab seperti Wakalah, Mudharabah, Musyarakah dan lain-lain dalam Al-mustalah. Hal ini akan memudahkan pelajar untuk mencari semua perkataan dan istilah tersebut tanpa perlu mencari di laman sesawang lain.

1	Kalau simpan ia WADI'AH	11	Kalau pinjam, ia QARD
2	Kalau labur, ia MUDARABAH	12	Kalau adat, ia 'URF
3	Kalau di'urus', ia WAKALAH	13	Kalau gerenti/jaminan, ia KAFALAH
4	Kalau yuran/upah, ia UJRAH	14	Kalau bagi deposit, ia 'URBUN
5	Kalau TT/pemindahan, ia HAWALAH	15	Kalau sewa, ia IJARAH
6	Kalau rebat, ia IBRA'	16	Kalau jual, ia BAI'
7	Kalau caj gantirugi, ia TA'WIDH	17	Kalau untung rugi bersama, ia MUSYARAKAH
8	Kalau penalti, ia GHARAMAH	18	Kalau kongsi untung beramanah, ia MUDARABAH
9	Kalau berjanji, ia WA'D	19	Kalau beri hadiah, ia HIBAH
10	Kalau gadai, ia RAHN	20	Kalau tolong menolong, ia TAKAFUL

Rajah 1.6 Menunjukkan perkataan dan istilah dari Bahasa Arab dalam pelbagai subjek.

Dengan terhasilnya kajian dan inovasi yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan para pelajar untuk belajar kursus Bahasa Arab serta pelajar mudah untuk memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab. Hal ini kerana pengkaji bercadang untuk mengumpulkan perkataan dan istilah Bahasa Arab seperti Wakalah, Mudharabah, Musyarakah dan lain-lain dalam satu Al-mustalah dan pelajar boleh mengakseskannya di mana-mana saja. Oleh itu, ia akan memudahkan pelajar untuk mencari semua perkataan dan istilah tersebut tanpa perlu mencari di laman web lain.

1.4 OBJEKTIF PROJEK

- 1) Mengenalpasti masalah kurangnya memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di Politeknik Seberang Perai.
- 2) Mencadangkan satu produk yang diberi nama E-kamus Al-mustalah yang mengumpulkan perkataan dan istilah Bahasa Arab yang sering menjadi masalah kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) untuk mencarinya.

1.5 JUSTIFIKASI PROJEK

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji pemilihan Al-mustalah ini dipilih untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab. Pihak pengkaji sedang berusaha untuk merealisasikan satu medium berbentuk seperti E-kamus yang diberi nama Al-mustalah untuk membantu dan memudahkan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) supaya mereka boleh membuat pembacaan serta memahami maksudnya. Medium ini diwujudkan oleh pihak pengkaji bertujuan untuk menjimatkan masa pelajar dalam mencari isi maklumat tentang perkataan Bahasa Arab terutama dari segi sari kata dan pengolahan ayat. Antara objektif utama projek ini termasuklah mempercepatkan carian maklumat mengenai Bahasa Arab. Dengan adanya Al-mustalah ini, proses mengenalpasti punca-punca masalah yang dihadapi oleh pelajar dapat dijalankan dengan lebih efisien dan sistematik.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada bidang Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di peringkat politeknik yang membincangkan berkaitan isu masalah pelajar dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab secara amnya di Politeknik Seberang Perai. Secara khususnya, kajian ini berfokus kepada dua objektif utama. Pertama, mengenalpasti

faktor utama masalah pelajar dalam mengaplikasikan Bahasa Arab. Kedua, menganalisa masalah yang dihadapi oleh pelajar untuk memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab. Seterusnya, analisis ini pada hasilnya bertujuan menjawab persoalan kedua-dua objektif tersebut iaitu mencadangkan penubuhan Al-mustalah perkataan dan istilah Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan kajian ini, ia dibataskan dari dua aspek iaitu batasan subjek kajian dan batasan analisis. Batasan subjek kajian merujuk kepada perbincangan dan analisis hanya merangkumi dua aspek. Manakala batasan analisis merujuk kepada kajian ini menggunakan analisis SWOT sahaja bagi mencapai objektif kajian.

1.7 TAKRIFAN ISTILAH

- 1.7.1 Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang digunakan untuk tujuan perhubungan antarabangsa. Ia berkait rapat dengan bahasa yang digunakan dalam urusan kehidupan seharian. Hal ini amat jelas kerana al-Quran dan hadith merupakan sumber rujukan utama umat Islam yang dijadikan panduan untuk kehidupan seharian kita (Sumber dari kajian lepas).
- 1.7.2 Bahasa Arab di terjemahkan sebagai al- 'Arabiyyah atau secara mudahnya Bahasa Arab merupakan sebuah bahasa terbesar dari segi jumlah penutur dalam keluarga semetik. Bahasa ini muncul di daerah yang sekarang ini ternasuk wilayah negara Arab (Sumber dari kajian lepas).
- 1.7.3 Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa utama di dunia dan bahasa rasmi agama Islam. Sumber-sumber utama agama islam tercatat dalam Bahasa Arab. Bahasa Arab digunakan meluas di merata tempat sebagai bahasa ilmu, bahasa diplomasi, bahasa ekonomi, bahasa pelancongan dan lain-lain (Mohd Zaki,2010).
- 1.7.4 Menurut Al-Ghalayin, Bahasa Arab merupakan kalimat yang digunakan oleh orang arab untuk mengungkap tujuan mereka. Bahasa Arab merupakan sebuah bahasa yang terbesar dari segi jumlah penutur dalam keluarga semetik (Sumber dari kajian lepas).

1.7.5 Bahasa Arab merupakan alat komunikasi berupa simbol bunyi yang di hasilkan oleh alat ucap manusia yang di gunakan antara anggota masyarakat di wilayah Jarizah Arab.

Antara pendapat pakar mengenai pengertian Bahasa Arab di antaranya :

1. Syaikh Mustafa Al-Gulayaniy berkata Bahasa Arab merupakan kalimat yang digunakan bangsa Arab dalam mengutarakan maksud atau tujuan mereka.
2. Ahmad Al-Hashimiy pula berkata Bahasa Arab adalah suara-suara yang mengandung sebagian huruf hijaiyyah (Sumber dari kajian lepas).

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan sumber pembelajaran berasaskan E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab kepada para pelajar, khususnya pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di Politeknik Seberang Perai. Justeru itu, penghasilan Al-mustalah ini juga dapat memberi manfaat kepada para pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) dalam mendapatkan perkataan dan istilah Bahasa Arab. Antara kelebihan produk yang dihasilkan termasuklah produk ini dapat diakses di mana-mana saja dengan erti kata lain mudah alih. Pelajar DIB dapat membuka E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab di mana pun mereka berada tanpa perlu membawa buku atau mencari istilah tersebut dalam mana-mana platform. E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab ini mengumpulkan beberapa perkataan dan istilah Bahasa Arab contohnya seperti Wakalah, Mudharabah, Musyarakah dan lain-lain.

Dengan penghasilan E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab ini, ia memudahkan pelajar dalam mencari semua perkataan dan istilah Bahasa Arab tanpa perlu mencari di platform lain. Dengan adanya Al-mustalah pelajar dapat menggunakannya dan boleh menyebabkan capaian dapat di capai dengan pantas hanya perlu klik pada Al-mustalah sahaja. Di samping itu, pelajar juga dapat memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dalam Al-mustalah sebagai rujukan tanpa menunggu pensyarah untuk menerangkan perkataan tersebut.

Selain itu, E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab yang bakal di hasilkan ini juga dapat memudahkan para pensyarah dalam memberikan perkataan dan istilah tersebut. Jika dapat dilihat proses pembelajaran dan pengajaran terkini para pensyarah perlu merujuk buku dan laman web yang berkaitan untuk mencari perkataan dan istilah Bahasa Arab tersebut untuk membuat nota kepada para pelajar.

Penghasilan E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab ini akan menjadi satu bentuk bahan bantu mengajar bagi para pensyarah dan juga dapat memudahkan para pelajar dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dengan mudah. Akhir sekali, dengan penghasilan Al-mustalah ini diharap dapat memberi manfaat kepada para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) dan para pensyarah.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkutan paut dengan topik kajian ini, iaitu masalah kurangnya kefahaman tentang perkataan dan istilah Bahasa Arab. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidikan, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan penguasaan dan penggunaan Bahasa Arab.

2.2.1 Kajian Berkaitan Penguasaan dan Penggunaan Bahasa Arab

Terdapat lima kajian berkenaan tahap penguasaan Bahasa Arab yang ditemui oleh penyelidik. Kajian oleh Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir dan Mohd Firdaus Yahaya (2015) menyatakan bahasa yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam adalah Bahasa Arab. kepelbagaian bangsa dan bahasa umat Islam di seluruh dunia menjadi asas utama perlunya usaha mempelajari Bahasa Arab khususnya bagi tujuan ibadah. Hal ini menjadikan bahasa Arab sangat sinonim agama Islam dan umatnya. Oleh itu, artikel ini dihasilkan untuk mengkaji persepsi berkaitan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan masyarakat Muslim awam di Malaysia.

Seterusnya, menurut Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis, Harun Baharudin dan Mohd Sham Kamis (2017) antara faktor yang dikaitkan dengan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA adalah tahap motivasi mereka terhadap subjek Bahasa Arab yang ditawarkan masih kurang berkesan.

Selain itu, kajian oleh Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abdul Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan dan Siti Nurhajariah Md Isa (2017) menyatakan salah satu subjek teras yang terdapat di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) adalah Bahasa Arab. Bahasa Arab memerlukan penguasaan empat kemahiran asas utama iaitu kebolehan mendengar, menulis, membaca dan bertutur. Oleh itu, kajian tindakan ini dijalankan bertujuan untuk memantapkan pengajaran Bahasa Arab bagi membantu pelajar menguasai keempat-empat kemahiran bahasa Arab tersebut.

Di samping itu, menurut Ahmad Farid Fadhli Mustafa dan Muhammad Anas al-muhsin (2018) jika dilihat pembelajaran sistem kewangan yang ada di Malaysia, tidak lari daripada Bahasa Arab kerana terdapat istilah-istilah kewangan yang menggunakan Bahasa Arab seperti Mudharabah, Wadiah, Bai'al-I'nah dan lain-lain.

Akhir sekali, kajian oleh Ahmad Farid Fadhli Mustafa dan Mohd Yahya Mohd Hussin (2020) menyatakan kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan istilah Bahasa Arab serta muamalat Islam yang digunakan di institusi kewangan oleh pegawai serta mengetahui penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Majlis Agama Islam dan Adat Perak (MAIPk).

2.2.3 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi

Kajian yang dilakukan oleh Taufik Hidayah (2017) iaitu PowerPoint merupakan salah satu medium bantuan mengajar yang penting bagi menambahkan minat pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran vokasional pada masa kini. Tujuan kajian ini adalah bagi mengenal pasti pengaruh penggunaan media pertunjukkan dan motivasi belajar tentang prestasi pelajar sekolah menengah kejuruan di Aceh Utara, Aceh, Indonesia. Kaedah kuantitatif

berbentuk tinjauan serta dokumen gred pelajar digunakan dalam mengumpul data kajian. Seramai 124 guru dan 321 pelajar daripada empat buah sekolah menengah kejuruan telah dipilih selaku sampel. Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan persampelan rawak kelompok. Hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhan penggunaan media PowerPoint daripada aspek kemudahan dan kegunaan mendapati berada pada tahap tinggi dan bagi pelajar juga mendapati berada pada tahap tinggi. Ujian motivasi belajar dalam kalangan pelajar juga mendapati berada pada tahap tinggi kecuali pada aspek afektif mendapati berada pada tahap sederhana.

Selanjutnya, kajian daripada Nurul Aminah Basharuddin dan Hashah Mohamad (2015) telah menyatakan bahawa kajian ini berfokus kepada peranan dan pencarian ciri kamus yang dapat menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa terutamanya dari aspek leksikal. Leksikal dimaksudkan sebagai perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa, dalam erti kata yang lebih mudah leksikal merupakan kata-kata isi (content word), maksudnya kata-kata yang mempunyai makna dan dapat berdiri dengan sendiri tanpa melihat penggunaannya dalam sesuatu ayat. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengesahkan peranan kamus dalam menarik minat kanak-kanak bagi mempelajari bahasa dengan penerapan teori Behaviorisme Bertujuan. Objektif berikutnya pula adalah bagi mengenal pasti ciri kamus yang dapat membantu memperkembang kosa kata kanak-kanak. Penekanan pembelajaran bahasa hanya melibatkan penguasaan bahasa pada aspek leksikal sahaja, sementara ciri kamus pula dilihat pada lemma kamus. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa kamus merupakan medium yang mampu menarik minat kanak-kanak bagi mempelajari bahasa, manakala kamus yang mempunyai entri atau lemma yang sesuai didapati berupaya membantu kanak-kanak memperkembang kosa kata.

Setakat tinjauan penyelidik, terdapat kajian yang dijalankan berkaitan kajian oleh Radiah Mohamad (2015) menyatakan dapatan kajian di Malaysia membuktikan salah satu kekurangan pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab ialah kegagalan menguasai nahu Arab. Hal ini demikian kerana mereka tidak mempunyai strategi pembelajaran yang bagus serta berkesan dalam pembelajaran tersebut. Oleh itu, kajian ini memfokuskan salah satu aspek nahu Arab melalui aplikasi strategi kognitif.

Seandainya dikaji secara terperinci, kajian yang ditulis oleh Mohamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag. Damit (2017) merupakan penggunaan Bahasa Arab dalam proses pembelajaran adalah penting bagi memahirkan pelajar berbahasa. Persekitaran berkomunikasi Bahasa Arab

yang baik boleh dihasilkan melalui aplikasi Lughat al-Faṣl secara ekspresif dan efektif. Lughat al-Faṣl ialah perkataan atau ungkapan mudah yang mengandungi arahan, soalan, penegasan dan larangan dalam Bahasa Arab yang selalu digunakan oleh guru sebagai bahasa perantaraan menyampaikan isi kandungan pelajaran ketika berinteraksi dengan pelajar dalam kelas. Kajian ini bertujuan mengenal pasti antara jenis Lughat al-Faṣl yang digunakan guru dan kekangan yang dihadapi dalam mengaplikasi Lughat al-Faṣl dalam PdP Bahasa Arab di sekolah rendah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pemerhatian dan protokol temu bual sebagai instrumen kajian. Pemerhatian ke atas pengajaran guru dilakukan untuk mengenal pasti jenis Lughat al-Faṣl yang digunakan guru. Manakala temu bual pula dilaksanakan bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kekangan aplikasi Lughat al-Faṣl semasa melaksanakan PdP. Hasil kajian mendapati terdapat tujuh jenis Lughat al-Faṣl yang digunakan guru dan mengenal pasti beberapa kekangan yang dihadapi oleh guru ketika mengaplikasikan Lughat al-Faṣl dalam PdP Bahasa Arab termasuk kekangan dari segi personaliti dan sikap guru, kelayakan guru dan persekitaran komunikasi bahasa Arab.

Dari perspektif yang lain pula, kajian yang dilakukan oleh Hawa Alias (2019) mendapati tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pencapaian Bahasa Arab pelajar selepas menggunakan aplikasi Plickers dan ketiadaan asas Bahasa Arab sebagai salah satu punca pelajar lemah menguasai Bahasa Arab. Kajian ini dilaksanakan ke atas 40 orang responden dalam kalangan pelajar Bahasa Arab Permulaan Semester III sesi 2017/2018 di USAS yang terdiri daripada 29 pelajar lelaki sementara 11 pelajar perempuan, 23 daripada pelajar memiliki asas bahasa Arab manakala 17 pelajar tiada asas. Dapatan data analisis menggunakan paired sample t-test untuk membuat perbezaan kedua kumpulan serta mendapatkan signifikan kajian. Bagi menguji ketiadaan asas Bahasa Arab merupakan punca kelemahan pelajar menguasai Bahasa Arab, dapatan data pada demografi pelajar berkaitan asas Bahasa Arab diambil dan diselaraskan dengan pencapaian mereka semasa pre-test bagi kedua-dua kumpulan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan aplikasi sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan rekabentuk kajian yang digunakan seperti membuat tinjauan awal terhadap keperluan kajian. Seterusnya, antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah membuat tinjauan awal yang dijalankan ke atas 50 orang pelajar program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) yang akan diterangkan secara lebih mendalam di dalam bab ini. Dalam bab ini pengkaji juga akan menerangkan tentang langkah-langkah dalam menghasilkan produk yang diberi nama Al-mustalah. Selain itu, pengkaji juga akan menceritakan tentang kaedah pengumpulan data daripada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Akhir sekali, pengkaji akan menerangkan tentang analisis data yang digunakan dalam bab ini.

3.2 REKABENTUK KAJIAN


Reka bentuk kajian ialah satu perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata berdasarkan produk dan data dikumpulkan dalam bentuk kuantitatif. Kaedah kualitatif pembangunan produk dan kuantitatif ini dilakukan secara soal selidik. Selain itu, tinjauan awal juga dijalankan di peringkat awal kajian ia bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.

3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 50 orang responden. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah soal selidik. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.


Bil	Item soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1.	Adakah anda mempunyai masalah tahap fahaman anda mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab?	3	4	31	12
2.	Adakah anda bersetuju jika Al-mustalah diwujudkan?	1	1	20	28

Jadual 1.0 menunjukkan bilangan pelajar hasil daripada soal selidik yang telah dilakukan.



Rajah 1.1 menunjukkan bilangan dan peratusan responden yang mempunyai masalah tahap fahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab.

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 24.0% mewakili 12 orang responden sangat setuju bahawa mereka mempunyai masalah tahap fahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab manakala terdapat sebanyak 62.0% iaitu 31 orang responden setuju menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah tahap fahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab. Seterusnya terdapat juga sebanyak 8.0% iaitu 4 orang responden tidak setuju terhadap mereka mempunyai masalah tahap fahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab. Akhir sekali, sebanyak 6.0% iaitu 3 orang responden menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju terhadap mereka mempunyai masalah tahap fahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab. Kesimpulannya pengkaji mendapati bahawa majoriti responden menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah tahap fahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab.



Rajan 1.2 menunjukkan bilangan dan peratusan responden yang bersetuju jika Al-mustalah diwujudkan


Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 56.0% mewakili 28 orang responden sangat setuju Al-mustalah diwujudkan manakala terdapat sebanyak 40.0% iaitu 20 orang responden menyatakan bahawa mereka setuju Al-mustalah diwujudkan malah terdapat sebanyak 2.0% iaitu seorang responden tidak setuju jika Al-mustalah diwujudkan. Akhir sekali, sebanyak 2.0% iaitu seorang responden menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju jika Al-mustalah diwujudkan. Kesimpulannya pengkaji mendapati bahawa majoriti responden sangat setuju jika Al-mustalah diwujudkan kerana produk yang bakal dihasilkan dapat mengurangkan masalah pelajar dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab.

3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk E-kamus yang diberi nama Al-mustalah.

Langkah 1


Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan isi kandungan bersama para pengkaji.



Rajah 3.1 : Perbincangan isi kandungan bersama para pengkaji

Langkah 2


Pengkaji mengenal pasti perkataan dan istilah Bahasa Arab yang terdapat dalam kursus Kewangan dan Perbankan Islam (DIB).



Rajah 3.2 Proses mengenal pasti perkataan dan istilah Bahasa Arab

Langkah 3


Pengkaji melakukan proses menyenaraikan perkataan dan istilah Bahasa Arab dari kursus semester satu (1) hingga semester lima (5).



Rajah 3.3 Proses menyenaraikan perkataan dan istilah Bahasa Arab

Langkah 4


Setelah langkah ke-3 siap dilakukan, pengkaji menggunakan aplikasi Canva untuk membuat muka hadapan Al-mustalah.



Rajah 3.4 Proses membuat muka hadapan Al-mustalah

Langkah 5


Setelah langkah ke-4 siap, pengkaji menggunakan Microsoft PowerPoint untuk membentuk Al-mustalah.




Rajah 3.5 Proses menggunakan Microsoft PowerPoint untuk membentuk Al-mustalah

Langkah 6

Seterusnya, pengkaji mengenal pasti perkataan yang perlu dimasukkan ke dalam Al-mustalah ini mengikut abjad.




Rajah 3.6 Proses memasukkan perkataan mengikut abjad bermula huruf A



Rajah 3.7 Proses memasukkan perkataan mengikut abjad berakhir huruf Z

Langkah 7


Al-mustalah perkataan dan istilah Bahasa Arab telah dihasilkan dengan menunjukkan maksud dari perkataan tersebut seperti rajah 3.8 .



Rajah 3.8 Al-mustalah perkataan dan istilah Bahasa Arab telah dihasilkan

Langkah 8


Setelah pengkaji menyiapkan Al-mustalah ini, pengkaji menggunakan 'Flip Book' untuk menjadikan Al-mustalah berbentuk seperti E-Kamus.



Rajah 3.9 Proses menggunakan 'Flip Book' untuk menghasilkan E-Kamus

Langkah 9


Seterusnya, Al-mustalah berbentuk E-kamus dihasilkan melalui 'Flip Book'.



Rajah 3.10 Al-mustalah berbentuk E-kamus dihasilkan

Langkah 10

Proses terakhir bagi menjayakan produk Al-mustalah perkataan dan istilah Bahasa Arab ialah memberikan kod QR atau link 'Flip Book' kepada pelajar program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB).



Rajah 3.11 Penghasilan kod QR dan link 'Flip Book'

3.2.3 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan E-kamus yang diberi nama Al-mustalah seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer peribadi	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan Al-mustalah.
2.	Telefon bimbit	Digunakan bertujuan untuk mencari maklumat berkaitan Bahasa Arab.
3.	Microsoft PowerPoint	Digunakan bertujuan bagi menulis isi kandungan Al-mustalah iaitu perkataan dan istilah Bahasa Arab serta maksud kepada perkataan dan istilah Bahasa Arab tersebut.
4.	Aplikasi Canva	Digunakan bertujuan untuk membuat muka hadapan Al-mustalah.

3.2.3 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang di kumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (*strenghts, weaknesses, opportunities, threats*).



Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti empat kuadran iaitu strength (S), weakness (W), opportunity (O) dan threat (T), yang dihadapi dalam pelaksanaan pencarian data tentang produk Al-Mustalah berdasarkan teknik analisis SWOT. Pemilihan item untuk teknik SWOT ini disuaikan berdasarkan Standard MS ISO 9001:2015, Albert Humprey (1960) dan Wright, P., Pringle, C. D. & Kroll, M. J (1992). Kajian ini dilaksanakan di Politeknik Seberang Perai kepada pelajar-pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) telah mengikuti kursus analisa SWOT. Pemilihan sampel kajian adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Bentuk kajian dilaksana secara kualitatif dan kuantitatif. Data dianalisis secara deskriptif dan soal selidik menggunakan *Google Form*.

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan teknik analisis ini memberi implikasi positif terhadap fokus kajian iaitu kesukaran pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab. Keberkesanan pencarian perkataan dan istilah Bahasa Arab dalam kuadran kekuatan (S), ialah produk ini dapat digunakan pada bila-bila masa kerana ia dapat diakses oleh pelajar dengan menggunakan kod QR atau link yang telah disediakan oleh pengkaji kepada pelajar. Produk yang dibina ini juga tidak menggunakan modal yang banyak untuk menghasilkan produk Al-mustalah.

Dapatan untuk kuadran kelemahan (W) ialah terdapat banyak pesaing yang mengeluarkan produk untuk pencarian perkataan dan istilah Bahasa Arab. Ia juga kurang dikenali oleh pelajar kerana produk ini ialah produk yang baru dibina oleh pengkaji sendiri. Contohnya produk Al-mustalah merupakan produk yang kurang ternama jika dibandingkan dengan produk pesaing lain seperti E-Kamus, E-book dan lain-lain. Ini kerana ia merupakan produk baru dan perlu giat menjalankan promosi untuk menarik pengguna supaya dapat menembusi pesaing yang ada. Dalam kuadran peluang (O) ialah ingin meluaskan produk Al-mustalah kepada semua pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya yang mengambil kursus Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) supaya produk ini lebih dikenali ramai. Justeru, ia dapat memberi peluang kepada produk ini supaya terus digunakan oleh pelajar-pelajar yang tidak memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab.

Hasil analisis untuk kuadran ancaman (T) ialah perkembangan teknologi yang pantas di bidang ini berada di luar kemampuan sehingga dapat menyebabkan produk ini ketinggalan mengikut peredaran teknologi yang semakin berkembang. Perubahan strategi pesaing dapat mengancam posisi produk ini untuk bergerak maju ke hadapan. Dapatan melalui analisis soal selidik terhadap 50 orang pelajar tentang penggunaan analisis SWOT, majoriti pelajar berpendapat analisis ini memberi kesan untuk pengkaji bertindak dengan cepat dan lebih jelas tentang masalah sebenar dan cara penyelesaian dapat dilakukan dengan efisien. Teknik ini juga memberi keyakinan diri yang tinggi dalam melancarkan produk Al-mustalah kepada pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB).

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian/pengujian iaitu projek jenis nyata. Bab ini juga membincangkan mengenai analisis SWOT dan analisis keberkesanan produk. Selain itu, pengkaji juga ada menerangkan mengenai kelebihan SWOT serta impak produk terhadap masa, impak produk terhadap kos, dan impak produk terhadap keberkesanan penggunaan produk.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

4.2.1 Projek Jenis Nyata

a) Analisis SWOT

1. Strengths

- Kekuatan produk inovasi Al-mustalah ini ialah produk ini dapat digunakan pada bila-bila masa kerana ia dapat diakses oleh pelajar dengan menggunakan kod QR atau link yang telah disediakan oleh pengkaji kepada pelajar.
- Di samping itu, kekuatan produk inovasi Al-mustalah sangat membantu para pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab.

2. Weaknesses

- Kelemahan Al-mustalah adalah produk ini hanya memfokuskan kepada para pelajar Politeknik Seberang Perai yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan (DIB) sahaja.
- Selain itu, kelemahan Al-mustalah ini adalah pelajar perlu mempunyai internet supaya mereka dapat mengakses Al-mustalah.

3. Opportunities

- Peluang yang terdapat di dalam produk inovasi AI-mustalah ini ialah para pengkaji juga berpeluang untuk menambah ilmu pengetahuan semasa menyiapkan produk AI-mustalah.
- Selain itu, para pengkaji ingin meluaskan produk AI-mustalah kepada semua pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) khususnya yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) supaya produk ini lebih dikenali ramai.

4. Threats

- Ancaman ialah perkembangan teknologi yang pantas di bidang ini berada di luar kemampuan sehingga dapat menyebabkan produk AI-mustalah ini ketinggalan mengikut peredaran teknologi yang semakin berkembang.

b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 50 responden. Sebanyak lima (5) soalan telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas tentang produk AI-Mustalah.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan produk Al-Mustalah

Bil	Item soalan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1	Website Al-Mustalah mudah dilayari?	2	0	18	30
2	Al-Mustalah jelas dan menarik?	3	1	20	26
3	Maksud yang jelas dan mudah difahami?	1	1	23	25
4	Al-Mustalah mudah untuk dijadikan rujukan untuk orang ramai?	1	0	24	25
5	Produk Al-Mustalah dapat menambahkan ilmu pengetahuan kepada saya?	1	0	22	27

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPAI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kos

Perbelanjaan untuk pembinaan AI-mustalah dan penggunaannya dalam kalangan para pelajar ini telah dapat menjimatkan kos kerana AI-mustalah ini tidak mempunyai kos bahan binaan yang mahal iaitu serendah RM8.80. Hal ini kerana AI-mustalah ini dibina dengan menggunakan aplikasi Canva dan juga Microsoft PowerPoint serta buku-buku kursus dari semester satu (1) sehingga semester lima (5) bertujuan untuk mengumpulkan perkataan dan istilah Bahasa Arab.

b) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan AI-mustalah ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari segi pencarian maksud perkataan dan istilah Bahasa Arab tersebut berbanding dengan keadaan sebelumnya. Hal ini kerana, AI-mustalah dapat memudahkan pelajar untuk mempelajari dan memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dengan mudah dan cepat. Masalah pengiraan penjimatan masa berdasarkan pemerhatian pengkaji adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 4.1 : Jadual impak produk terhadap masa

BUTIRAN	SEBELUM	SELEPAS
Masa Pencarian Maklumat Secara Manual (Buku)	30 minit	15 Minit
Masa Menggunakan Produk Inovasi AI-Mustalah	3 Minit	-

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Penggunaan produk AI-mustalah dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti para pelajar mahu pun para pengajar. Hal ini kerana, produk AI-mustalah ini amat mudah digunakan kerana ia merupakan satu produk mesra pengguna dimana produk AI-mustalah boleh diakses di mana jua dan pada bila-bila masa. Seterusnya, para pelajar dari politeknik lain yang

mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) juga boleh menggunakan Al-mustalah tersebut. Selain itu, produk Al-mustalah sangat membantu dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat mempercepatkan masa serta proses dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab dikalangan pengguna. Hal ini kerana, sistem yang dibina lebih memudahkan pelajar untuk mencapai tahap kefahaman yang tinggi terhadap perkataan dan istilah Bahasa Arab yang tidak difahami oleh pengguna Al-mustalah. Di samping itu, produk Al-mustalah ini juga boleh diakses di mana-mana sahaja kerana ia merupakan satu produk yang dibina khas untuk para pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) dalam pengajian mereka kerana Al-mustalah merupakan satu produk yang mudah untuk pelajar mencari perkataan dan istilah serta maksud daripada perkataan Bahasa Arab di dalam satu laman web '*Flip Book*' agar memudahkan pelajar untuk mencarinya di dalam internet.

Jadual 4.2:

ASPEK	SEBELUM	SELEPAS
Kecekapan	Memuaskan	Amat Baik
Kemudahan	Memuaskan	Amat Baik

4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos penghasilan projek diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses menghasilkan produk Al-Mustalah berbentuk E-kamus.

Jadual 4.3:

BIL.	BUTIRAN	KOS (RM)	
		Al-mustalah Harga 1	Al-mustalah harga 2
1	Aplikasi Canva	RM8.80	RM8.80
2	Microsoft PowerPoint	-	-
3	Laman web ' <i>Flip Book</i> '	-	-

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk Al-mustalah perkataan dan istilah Bahasa Arab yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu masalah kurangnya kefahaman perkataan dan istilah Bahasa Arab. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Sebelum mengakhiri kajian ini, sekali lagi pengkaji ingin menekankan bahawa, objektif kajian ini telah tercapai, menjawab persoalan kajian dan memenuhi kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan di awal kajian.

Antara, proses yang telah dijalankan semasa membangunkan produk inovasi ini adalah ia dimulakan dengan perbincangan isi kandungan bersama para pengkaji, Para pengkaji mengenal pasti perkataan dan istilah Bahasa Arab yang terlibat. Proses seterusnya ialah dengan melakukan proses menyenaraikan perkataan dan istilah Bahasa Arab dari kursus semester satu sehingga semester lima. Aplikasi Canva telah digunakan untuk membuat muka hadapan Al-mustalah. Selepas muka hadapan Al-mustalah dihasilkan pengkaji menggunakan Microsoft PowerPoint untuk membentuk Al-mustalah dengan mengenal pasti perkataan yang perlu dimasukkan ke dalam Al-mustalah ini mengikut abjad. Seterusnya, pengkaji menggunakan '*Flip Book*' untuk membentuk Al-Mustalah seperti E-kamus. Akhir sekali, bagi menjayakan produk Al-mustalah ialah pengkaji memberikan kod QR dan berkongsi link '*Flip Book*' kepada

pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) di Politeknik Seberang Perai.

Berdasarkan hasil dapatan kajian daripada analisis keberkesanan atau analisis SWOT jelas didapati bahawa produk Al-mustalah dapat digunakan pada bila-bila masa kerana ia dapat diakses oleh pelajar dengan kod QR atau link yang disediakan oleh pengkaji kepada pelajar. Selain itu, banyak pesaing yang mengeluarkan produk bukanlah salah satu perkara yang mempengaruhi pengkaji untuk tidak meneruskan pembinaan produk ini, malah pengkaji ingin meluaskan lagi produk Al-mustalah kepada semua pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT).

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini terdapat, beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah cadangan kepada para pelajar Politeknik Seberang Perai yang mengalami masalah kurang kefahaman mengenai perkataan dan istilah Bahasa Arab. Pihak pengkaji bercadang untuk menghasilkan produk inovasi iaitu Al-mustalah untuk kegunaan para pelajar di politeknik tersebut. Hal ini dapat mengatasi masalah yang di hadapi oleh para pelajar di politeknik tersebut. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan supaya kursus-kursus lain yang terdapat di politeknik seperti kursus Kejuruteraan Mekanikal dan kursus Kejuruteraan Elektrik supaya membangunkan produk seperti ini. Contohnya menghasilkan produk yang mengandungi formula-formula matematik. Hal ini demikian kerana para pelajar mengalami kesukaran untuk menghafal formula matematik. Oleh itu, pengkaji yang akan datang perlu membuat kajian terhadap masalah yang dihadapi oleh para pelajar yang mengambil kursus tersebut dengan mencipta satu produk inovasi yang berkesan kepada para pelajar agar masalah mereka dapat diatasi.

5.4 LIMITASI PROJEK (Kekangan Kajian)

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan kepada sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu di Politeknik Seberang Perai sahaja. Skop projek ini hanya tertumpu kepada para pelajar yang mengikuti pengajian di Politeknik tersebut. Para pelajar tersebut terdiri daripada pelajar semester satu (1) sehingga semester lima (5) yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB). Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian masalah para pelajar di Politeknik Seberang Perai yang menghadapi kesukaran dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab.

Seterusnya, pengkaji sukar untuk mencari para pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) untuk menjawab beberapa soalan yang diajukan kepada pelajar juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap masalah yang dihadapi oleh para pelajar di Politeknik tersebut dalam mencapai objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

5.5 RUMUSAN

Kesimpulannya, setelah menyiapkan kajian untuk produk inovasi iaitu Al-mustalah ini, terdapat perkara penting yang dapat pengkaji rumuskan antaranya ialah objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji telah tercapai. Masalah kesukaran dalam memahami perkataan dan istilah Bahasa Arab bagi pelajar yang mengambil program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB) dapat diatasi dengan membina produk Al-mustalah ini. Hal ini kerana, pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan ketika merujuk Al-mustalah. Selain itu, melalui kajian yang telah dilakukan pengkaji dapat mengetahui bahawa betapa pentingnya sokongan dan dorongan pelajar dalam menyokong pembinaan produk Al-mustalah ini.

RUJUKAN

Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Shahrir dan Mohd Firdaus Yahaya (2015, Januari). *TINJAUAN PERSEPSI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUANN IBADAH SEBAGAI SATU KEPERLUAN BAGI MASYARAKAT MUSLIM AWAN DI MALAYSIA*. <https://www.researchgate.net/publication/298712294> Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan bagi Masyarakat Muslim Awam di Malaysia

Aisyah Sjahrony et al. (2017, September). *KEPENTINGAN PEMBELAJARAN MOTIVASI BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA DARI PERSPEKTIF SOROTAN KAJIAN*. <https://www.researchgate.net/publication/322356916> Kepentingan Pembelajaran Motivasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar IPTA Dari Perspektif Sorotan Kajian

Hairun Najuwah Jamali et al. (2017). *PEMANTAPAN TAHAP KEMAHIRAN ASAS BAHASA ARAB KAJIAN TINDAKAN*. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/SpecialIssue1/jsass_spec2017_004_hairunnajuwah.pdf

Taufik Hidayah (2017). *PENGARUH PENGGUNAAN MEDIA PERSEMBAHAN DAN MOTIVASI BELAJAR TERHADAP PRESTASI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEJURUAN DI ACEH UTARA*. https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/2905_2905.pdf

LAMPIRAN 1



Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh, Pulau Pinang.

LAMPIRAN 2

4. Adakah anda memahami perkataan Bahasa Arab.

Sangat tidak setuju

Tidak setuju

Setuju

Sangat setuju

Required

5. Adakah anda mempunyai masalah tahap fahaman anda mengenai perkataan Bahasa Arab.

Sangat tidak setuju

Tidak setuju

Setuju

Sangat setuju

Required

Contoh soalan soal selidik


5. Adakah anda mempunyai masalah tahap fahaman anda mengenai perkataan Bahasa Arab.

Results


Options	%	Count
Sangat tidak setuju	6.00	3
Tidak setuju	8.00	4
Setuju	62.00	31
Sangat setuju	24.00	12

Hasil dapatan daripada soalan soal selidik

LAMPIRAN 3



Produk Inovasi E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab



Kod QR dan link E-kamus Al-mustalah Perkataan dan Istilah Bahasa Arab